

PKP Fasa 1, 2 membuahkan hasil namun Fasa 3 sangat penting

Astro Awani

13 April 2020

Harits Asyraf Hasnan,

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyifatkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan Fasa 2 susulan wabak COVID-19 telah membuahkan hasil yang positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata ia sekaligus menafikan unjuran sebelum ini yang mengatakan Malaysia bakal berdepan lebih 6,000 kes positif COVID-19 pada pertengahan April.

“Saya menjangkakan esok (Selasa) kita mampu mengurangkan kes kepada 5,000 sekaligus menunjukkan tindakan kita terhadap pelaksanaan PKP 1 dan 2 berhasil.

“Ini tanda kejayaan yang kita mampu mengawal jumlah kes dan melandaikan lengkungan,” katanya pada sidang media harian berkaitan COVID-19 di sini hari ini.

Jelasnya, apabila dilihat kepada data pada minggu ke-13, telah berlaku kemuncak (peak) kepada dalam trend harian kes.

“Kita harap, kini ia pada fasa pemulihan. Kita masih pantau secara dekat kerana ia masih belum turun sepenuhnya.

“Kita perlu turunkannya lagi dan sebab itu PKP Fasa 3 sangat penting.

“Jika kita berjaya melakukannya, ada kemungkinan untuk kita mengurangkan kes, bukan sahaja melandaikan lengkungan tapi kemungkinan untuk kita tamatkan penularan wabak COVID-19 di negara ini,” jelasnya.

Sebelum ini, Malaysia dijangka berdepan kemuncak kes COVID-19 pada pertengahan April yang mana unjuran itu menunjukkan bahawa Malaysia akan berdepan lebih 6,000 kes kumulatif.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-fasa-1-2-membuahkan-hasil-namun-fasa-3-sangat-penting-238154>